



Ruj. Kami : CJSS/01/2018

Tarikh : 4 September 2018

Yang Arif Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman

Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Hakim Mahkamah Sesyen

Sabah dan Sarawak

Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar

Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Majistret

Sabah dan Sarawak

Yang Arif Datuk/Dato/Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN HAKIM BESAR MAHKAMAH TINGGI  
DI SABAH DAN SARAWAK  
BIL. 1 TAHUN 2018  
HUJAHAN LISAN DAN ALASAN PENGHAKIMAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

**(A) Hujahan Lisan bagi Kes-kes Sivil dan Jenayah**

2. Untuk kes-kes sivil yang mempunyai pertikaian dan kes-kes jenayah di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, YA Datuk/Dato/Tuan/Puan hendaklah menetapkan satu tarikh pendengaran Hujahan Lisan oleh peguam-peguam yang mewakili pihak-pihak untuk berhujah hujahan yang penting berkaitan fakta, isu-isu dan undang-undang berkaitan kes tersebut selain hujahan bertulis yang difailkan oleh pihak-pihak di Mahkamah.

**(B) Ringkasan Penghakiman dan Alasan Penghakiman penuh bagi Kes-kes Sivil dan Jenayah**

3. Untuk permohonan interlocutori yang telah ditolak oleh Mahkamah, YA Datuk/Dato/Tuan/Puan hendaklah memberikan alasan penghakiman secara ringkas kepada pihak-pihak semasa keputusan dibacakan.

4. Untuk permohonan interlocutori yang telah dibenarkan oleh Mahkamah, YA Datuk/Dato/Tuan/Puan hendaklah memberikan alasan penghakiman secara ringkas kepada pihak-pihak semasa keputusan dibacakan dan disusuli dengan alasan penghakiman yang penuh untuk dikemukakan kepada pihak-pihak dalam masa satu (1) bulan dari tarikh keputusan diberikan.

5. Untuk keputusan yang telah diberikan selepas bicara penuh, YA Datuk/Dato/Tuan/Puan hendaklah memberikan alasan penghakiman secara ringkas kepada pihak-pihak semasa keputusan dibacakan dan disusuli dengan alasan penghakiman yang penuh untuk dikemukakan kepada pihak-pihak dalam masa dua (2) bulan dari tarikh keputusan diberikan.

6. Dengan berkuatkuasanya Arahan ini, arahan amalan dan/atau pekeliling berkaitan alasan penghakiman termasuk Pekeliling Pendaftar Bil. 2 Tahun 2016

bertarikh 5 Ogos 2016 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak adalah dengan ini terbatal.

7. Arahan ini hendaklah berkuatkuasa serta-merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



**(DATUK DAVID WONG DAK WAH)**

Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak

- s.k.
1. YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya
  2. YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya
  3. Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya
  4. Timbalan Ketua Pendaftar I (Polisi)  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya
  5. Timbalan Ketua Pendaftar II (Operasi)  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya

6. Pendaftar Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya
7. Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Kuching
8. Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Kuching
9. Peguam Besar Negeri Sabah  
Kamar Peguam Besar Negeri Sabah  
Kota Kinabalu
10. Peguam Besar Negeri Sarawak  
Kamar Peguam Besar Negeri Sarawak  
Kuching
11. Pengarah Pendakwaan Sabah  
Jabatan Peguam Negara Cawangan Sabah  
Kota Kinabalu
12. Pengarah Pendakwaan Sarawak  
Jabatan Peguam Negara Cawangan Sarawak  
Kuching
13. Pengerusi  
Pertubuhan Undang-Undang Sabah  
Kota Kinabalu
14. Pengerusi  
Persatuan Peguambela Sarawak  
Miri
15. Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya